

10 NOV 1998

Mahathir-Pengganti/I

DR MAHATHIR MAHU BERSARA SECEPAT MUNGKIN

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berhasrat untuk bersara seawal mungkin tetapi sebelum itu beliau mempunyai tanggungjawab untuk memastikan penggantinya dapat meneruskan usaha-usaha yang dilaksanakannya.

"Ia mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya satu tahun lagi kerana tahun depan ada pemilihan Umno," katanya dalam temuramah yang disiarkan secara langsung menerusi Biz Asia, satu program CNN.

Perdana Menteri ditemuramah oleh Lorraine Hahn dari Biz Asia yang sebelum itu menanyakan Dr Mahathir berapa lama lagi beliau berhasrat menjadi perdana menteri memandangkan beliau sekarang adalah Perdana Menteri yang paling lama berkhidmat di Asia.

"Saya mahu bersara seawal yang mungkin. Saya mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pengganti saya dapat meneruskan usaha-usaha saya. Ia mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya satu tahun lagi kerana tahun depan ada pemilihan Umno," katanya.

Ketika ditanya bagaimana beliau mahu diingati, Dr Mahathir berkata: "Saya tak kisah sama ada rakyat mahu mengingati saya atau tidak tetapi saya ingin melihat kesemua yang kita rancangkan berhasil.

"Saya tidak penting, saya berada di sini sekadar sementara," katanya.

Ketika ditanya apa lagi yang ingin dicapai beliau setelah membimbing Malaysia dengan berjaya selama 17 tahun, Dr Mahathir berkata beliau ingin melihat Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

Bagaimanapun, untuk mencapai matlamat ini, setiap langkah dan dasar harus disempurnakan agar penggantinya dapat meneruskan usaha itu dengan jayanya, kata beliau.

Ketika menjawab satu soalan sama ada beliau akan mengadakan pilihan raya umum lebih awal jika gerakan reformasi bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat sambutan yang lebih meluas, Dr Mahathir berkata beliau tidak berpendapat ia akan berlaku.

"Saya tidak fikir gerakan reformasi itu akan berjaya menjadi satu pergerakan yang besar. Pada masa ini, ia hanya membabitkan segelintir rakyat dan satu kumpulan minoriti.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan membanteras gerakan reformasi itu sekiranya ia diteruskan, beliau berkata: "Kami ada sehingga tahun 2000 untuk mengadakan pilihan raya, jadi saya berpendapat kita mempunyai masa yang banyak untuk mengatasinya."

-- BERNAMA

ARA AKD